

Imbuhan			
	Awalan	Apitan	Akhiran
动词	di~ me~ be~ ter~	di~i di~ksn be~(an)kan me~i me~kan	~i ~kan
名词	pe~	ke~an pe~an	~an
形容词	pe~ ter~		
数词	ke~ se~	se~an	

Berikan imbuhan yang sesuai bagi perkataan-bergaris dalam ayat-ayat berikut.

2025 Seri Alam	
1. Encik Lee <u>hadiah</u> isterinya seutas rantai.	
2. Banyak pelanggan <u>kunjung</u> ke waning itu.	
3. Semangat perpaduan masyarakat kampung itu harus kita <u>contoh</u> .	
4. Puan Nurain berasa bangga dengan <u>jaya</u> anaknya.	
5. Bilik darjah itu <u>bersih</u> oleh murid-murid.	
2025 Kulai	
6. Imran <u>buka</u> pintu apabila mendengar bunyi ketukan.	
7. Buah durian belanda itu akan <u>proses</u> menjadi jus yang berkhasiat.	
8. Pekerja ladang itu sedang <u>tebang</u> pokok.	
9. Pelbagai <u>pilih</u> cenderamata ada dijual di kedai itu.	
10. Aktiviti gotong-royong ini <u>tujuan</u> untuk membersihkan longkang yang tersumbat.	
2025 Johor Bahru	
11. Kami mengalu-alukan <u>datang</u> pegawai itu.	
12. Dia <u>bawa</u> semua peralatan yang diperlukan.	
13. <u>Amal</u> membaca mendatangkan kebaikan kepada kita.	
14. <u>Guna</u> jalan raya mesti sentiasa berhati-hati.	
15. Abang tidur dengan lena selepas <u>kerja</u> sepanjang hari.	

2024 Seri Alam	
16. Peniaga itu cuba <u>tipu</u> pengguna dalam dengan menaikkan harga barang-barang.	
17. Ramli tidak <u>angkat</u> kotak berat yang penuh dengan buku-buku.	
18. Sebelum berjumpa dengan doktor, pesakit perlu mengambil nombor <u>gilir</u> di kaunter.	
19. Pelajar itu <u>naik</u> bendera sekolah ketika lagu sekolah dinyanyikan.	
20. Gurdip Singh dimasukkan ke hospital kerana disyaki <u>racun</u> makanan.	

2024 Kulai	
21. Pembantu rumah itu sedang <u>lap</u> lantai di dapur.	
22. Kami <u>kejut</u> apabila mendengar jeritan yang kuat itu.	
23. Bahan <u>baca</u> di rumahnya sungguh menarik hati.	
24. Ayah <u>hadiah</u> sejambak bunga mawar kepada ibu sempena hari jadinya.	
25. Makanan <u>suka</u> nenek dan datuk ialah laksa dan kuih talam.	

2024 Johor Bahru	
26. Orang ramai tidak dibenarkan <u>jaja</u> makanan ringan di kawasan sekolah.	
27. Abangnya <u>senyum</u> sebagai tanda kepuasan apabila menerima keputusan peperiksaan itu.	
28. Banyak <u>bantu</u> diperlukan oleh mangsa-mangsa gempa bumi di Pulau Nias, Indonesia.	
29. Mahkamah telah <u>jatuh</u> hukuman gantung sampai mati terhadap pengedar dadah itu.	
30. Anak <u>sayang</u> Mak Minah akan berlepas ke England untuk melanjutkan pelajarannya.	

2023 Seri Alam	
31. Rahim menyanyi sambil <u>tari</u> di atas pentas itu.	
32. Pertandingan melukis itu mendapat <u>sambut</u> dalam kalangan pelajar.	
33. Encik Ahmad melarang anak kecilnya <u>dekat</u> periuk yang panas.	
34. Pihak kerajaan akan memberikan <u>bantu</u> kepada mangsa banjir.	
35. Pameran itu <u>tarik</u> perhatian ramai pelajar sekolah menengah.	

2023 Kulai	
36. Fikiran Zakuan <u>ganggu</u> apabila teringat akan mimpi buruknya semalam.	
37. Rohaya <u>hiris</u> bawang besar itu nipis-nipis untuk digoreng.	
38. Adik manis itu <u>senyum</u> apabila diusik oleh lelaki itu.	
39. Rahmat dan kawan-kawannya sedang <u>main</u> bola di padang.	
40. Aina mencuba baju kurung yang siap <u>jahit</u> oleh ibu.	

2023 Johor Bahru	
41. Pokok durian di belakang rumah itu <u>buah</u> lebat.	
42. Kakinya berdarah kerana <u>sepak</u> tunggul kayu.	
43. Ramai yang <u>korban</u> dalam bencana alam di negara itu.	
44. Pak Rahmat <u>rehat</u> sejenak selepas penat membajak sawahnya.	
45. Pemandu kereta itu tidak dapat <u>kawal</u> keretanya lain terlanggar sebatang pokok.	

2022 Seri Alam	
46. Kita perlu menggunakan air secara berhemat agar dapat mengelakkan <u>bazir</u> air.	
47. Murid-murid perlulah menjaga kesihatan diri dengan sentiasa <u>senam</u> .	

2022 Kulai	
48. Kasim <u>pakai</u> baju baharu ketika menghadiri majlis hari jadi kawannya.	
49. Sampah itu <u>buang</u> oleh ibu ke dalam tong sampah.	

2022 Johor Bahru	
50. Pihak sekolah <u>pungut</u> derma untuk membantu murid yang malang itu.	
51. Semua murid dikehendaki <u>kumpul</u> di dewan sekolah.	